

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

SAU402 - Perindustrian Dunia Ketiga

Masa: [2 jam]

Jawab SEMUA soalan di Bahagian A, B, C dan D.

Bahagian A (20%)

Hubungkan dua (2) faktor di bawah dengan proses perindustrian negara-negara Dunia Ketiga.

Untuk setiap faktor yang dipilih tumpukan isu-isu dan masalah-masalah sosial utama yang telah mempengaruhi dasar dan kesan perindustrian di negara-negara Dunia Ketiga pilihan anda.

(Dalam jawapan anda, gunakan contoh-contoh utama dari bahan-bahan bacaan dan filem-filem yang terlibat dalam kursus ini).

Faktor-faktor

- (a) Demografi
- (b) Perbandaran
- (c) Teknologi
- (d) Birokrasi
- (e) Nilai-nilai utama
- (f) Buruh
- (g) Susunan kerja
- (h) Syarikat-syarikat Antarabangsa (MNC'S)

[SAU 402]

Bahagian B (20%)

Secara ringkas bincangkan dua (2) di bawah dalam konteks perindustrian.

- (a) "Domestic Putting Out System".
- (b) Sistem Guilda (Guilds).
- (c) Dasar Orientasi Eksport.
- (d) Masyarakat Selepas Perindustrian (Post Industrial Society).
- (e) Sistem Kilang (Factory System).

Bahagian C (30%)

Andaikan anda telah diberi jawatan sebagai seorang Perunding Penyelidikan untuk sebuah Syarikat Antarabangsa (MNC). Satu di antara tugas anda dalam jawatan tersebut ialah mengkaji dan memberi satu gambaran tentang Malaysia sebagai sebuah Negara di mana syarikat tersebut boleh melabur dan meninggikan lagi keuntungannya. Berasaskan pengetahuan yang anda telah dapati dari kursus ini, huraikan laporan yang anda akan sampaikan kepada Syarikat MNC tersebut.

(Dalam jawapan anda tunjukkan bahawa anda mempunyai pengetahuan mendalam tentang dasar, proses dan kesan-kesan perindustrian di Malaysia).

Bahagian D (30%)

Pilih sebuah negara (selain dari Malaysia) dan:

- (a) Huraikan dasar-dasar perindustrian negara tersebut;
- (b) Secara perbandingan (dengan negara lain) tunjukkan taraf perindustrian yang telah dicapai oleh negara pilihan anda.
- (c) Perkenalkan faktor-faktor utama (kependudukan, teknologi, ekologi, kebudayaan sosial, sejarah, politik dan lain-lain) yang telah mempengaruhi proses pengindustrian negara terpilih tersebut.
- (d) Bincangkan kesan-kesan perindustrian utama atas cara kehidupan dan susunan masyarakat negara pilihan anda.